



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### PERTANYAAN MEDIA BERKENAAN DENGAN GAJI KEHIDUPAN WAJAR

---

**PUTRAJAYA, 14 JUN 2023** - Merujuk kepada laporan Utusan Malaysia bertarikh 12 Jun 2023 mengenai kenyataan Pengerusi Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia tentang gaji yang ditawarkan kepada lepasan Universiti setaraf dengan gaji lepasan SPM.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah dipertanggungjawabkan melalui Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) untuk menjalankan sekurang-kurangnya satu kali kajian dalam tempoh dua tahun setelah perintah gaji minimum (PGM) dilaksanakan.

PGM 2022 mula berkuatkuasa pada 1 Mei 2022 melibatkan majikan yang menggajikan lima orang pekerja atau lebih serta menjalankan aktiviti profesional. Pada 1 Julai 2023 pula melibatkan majikan yang menggajikan kurang lima orang pekerja dan tidak menjalankan aktiviti profesional.

MPGN sedang melaksanakan kajian semula PGM 2022 yang dijangka akan selesai pada hujung Disember 2023. Proses kajian semula turut mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi seperti pendapatan garis kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran, produktiviti buruh dan perubahan indeks harga pengguna yang mencerminkan kos sara hidup.

Di samping itu, MPGN juga akan menilai semula formula gaji minimum yang digunakan dan membuat perbandingan antara kaedah pelaksanaan dasar gaji minimum di negara ini dengan negara serantau serta model gaji lain seperti gaji kehidupan wajar (living wage) dan model gaji progresif (progressive wage model).

Majlis juga mengadakan perundingan dengan orang awam meliputi pihak persatuan majikan, kesatuan sekerja, majikan dan pekerja melalui sesi libat urus (SLU) yang diadakan di setiap negeri. Setelah mengadakan perundingan dengan orang awam, Majlis akan membuat syor kepada kerajaan tentang perkara-perkara berkaitan iaitu:

- i. Kadar gaji minimum;
- ii. Liputan kadar gaji minimum mengikut sektor;
- iii. Jenis pekerjaan dan Kawasan wilayah;
- iv. Ketidapkakaian kadar dan liputan gaji minimum yang disyorkan bagi mana-mana sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah atau bagi mana-mana orang atau golongan orang;
- v. Permulaan kuat kuasa PGM dan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa PGM; dan
- vi. Perkara lain yang berhubungan dengan gaji minimum, termasuk pelaksanaan kadar dan liputan gaji minimum yang disyorkan.

Dasar gaji minimum bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (floor wages) atau gaji pokok sahaja bagi golongan pekerja kategori bergaji paling rendah dalam pasaran buruh. Gaji minimum merupakan upah terendah bertujuan untuk menampung keperluan asas kehidupan pekerja dan keluarganya serta terikat dari segi undang-undang.

Gaji kehidupan wajar (living wage) pula merupakan tanda aras bagi pendapatan yang diperlukan untuk menikmati taraf hidup minimum yang boleh diterima. Living wage yang melibatkan seluruh golongan pekerja tanpa mengira latarbelakang juga membolehkan rakyat Malaysia hidup bersama secara harmoni dalam masyarakat, berpeluang untuk membangunkan diri dan keluarga, dan bebas daripada masalah kewangan yang serius.

**YB TUAN Ts. MUSTAPHA SAKMUD**  
**TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**